

23/08/2002

Mahathir lancar tabung wawasan

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Tabung Wawasan Generasi Felda sempena perasmian Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda Se-Malaysia, esok di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), di sini.

Tabung yang mula ditubuhkan April lalu itu, bertujuan memberi bantuan program pendidikan dan latihan kepada generasi kedua Felda, mengembangkan projek sosial generasi Felda dan memberi bantuan kewangan kepada anak peneroka yang ingin melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Tabung anjuran Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) itu disasarkan mengumpul lebih RM1 juta.

Pengarah projek perhimpunan itu, yang juga bendahari GWGF, Mazlan Osman, berkata, tabung berkenaan akan ditambah dengan kutipan dari semasa ke semasa, dengan sumbangan tetap daripada Felda serta anak-anak syarikatnya dan kalangan generasi kedua Felda.

Perhimpunan yang pertama kali diadakan dijangka dihadiri kira-kira 10,000 peserta dari kalangan anak-anak peneroka Felda seluruh negara.

Perhimpunan itu akan membincangkan peranan dan hala tuju Felda serta masyarakatnya pada alaf baru.

Pembentang kertas kerja bagi simposium berkenaan juga daripada kalangan generasi kedua Felda yang sudah berjaya dalam bidang masing-masing seperti Pengarah Eksekutif Kanan Europlus Bhd, Datuk Suhaimi Hussin dari Felda Gedangsa; Pengarah Pendidikan Pahang, Datuk Abdul Rahim Mohamad (Felda Kg New Zealand); dan Pensyarah Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Abu Daud Silong (Felda Kg Awah).